



SEMOGA SEMUA DILINDUNGI

ANGKATAN Pertahanan Malaysia (APM) membaca doa selamat sebelum menghantar barang keperluan asas kepada penduduk kawasan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) Bayan Lepas di Pusat Kawalan Operasi Bencana (PKOB) Daerah Barat Daya, kelmarin. PKPD di kawasan berkenaan bermula 4 Jun hingga 17 Jun ini. Pelaksanaan PKPD itu melibatkan kawasan seluas 35 hektar dengan 2,380 unit kediaman serta 83 premis komersial.

Tempoh SPP dilanjut hingga 28 Jun ini

Kuala Lumpur: Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) 3.0 dilanjutkan untuk tempoh dua minggu lagi berkuat kuasa 15 Jun sehingga 28 Jun ini.

Untuk rekod, PKP 3.0 merujuk kepada sekatan pergerakan penuh (SPP).

Menteri Kanan (Keselamatan) Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob berkata, Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) membentangkan dan mencadangkan dalam Sidang Khas Majlis Keselamatan Negara (MKN) dipengerusikan Perdana Menteri Tan Sri Muhyiddin Yassin semalam, supaya SPP dilanjutkan untuk tempoh dua minggu lagi.



Keputusan ini dibuat selepas mengambil kira jumlah kes harian masih tinggi melebihi 5,000 sehari dengan purata kes baharu sehingga semalam (kelmarin) ialah 6,871 kes"

Ismail Sabri

"Sehubungan itu, PKP 3.0 disambung untuk tempoh dua minggu berkuat kuasa 15 Jun hingga 28 Jun ini.

"Keputusan ini dibuat se-

lepas mengambil kira jumlah kes harian masih tinggi melebihi 5,000 sehari dengan purata kes baharu sehingga semalam (kelmarin) ialah 6,871 kes," katanya, semalam.

Katanya, senarai positif dan negatif serta prosedur operasi standard (SOP) bagi setiap aktiviti perkilangan, perniagaan dan industri masih kekal seperti diumumkan sebelum ini.

"Mengenai senarai berkenaan, boleh dirujuk kepada laman sesawang kementerian berkaitan dan maklumat lanjut boleh diakses di laman sesawang Majlis Keselamatan Negara (MKN) di www.mkn.gov.my.

"Semua senarai positif, negatif dan SOP adalah sama seperti sebelum ini, saya harap tiada lagi kekeliruan dalam pelaksanaan penguatkuasaan SOP.

"Saya tidak mahu rakyat terkesan dengan salah tafsiran berhubung SOP di lapangan oleh penguat kuasa," katanya.

Kerajaan melaksanakan PKP 3.0 berkuat kuasa 1 Jun hingga 14 Jun (fasa pertama) bagi mengekang penularan Covid-19.

Di bawah PKP 3.0, kerajaan menutup penuh sektor sosial dan ekonomi di seluruh negara kecuali sektor dan perkhidmatan perlu disenaraikan MKN.



SEORANG warga emas tidak melepaskan peluang merakam gambar selepas menerima suntikan pelalian di Pusat Pemberian Vaksin (PPV) di Pusat Pameran dan Dagangan Antarabangsa Malaysia (Mitec), Kuala Lumpur. - Gambar NSTP/HAIRUL ANUAR RAHIM

PENDUDUK Projek Perumahan Rakyat (PPR) Kampung Muhibbah hadir menerima vaksin dalam Program Rintis Trak Vaksin Bergerak MyMedic@Wilayah di ibu kota. - Gambar NSTP/ASWADI ALIAS

GOLONGAN gelandangan yang tidur di bawah sebuah jejambat ketika pelaksanaan sekatan pergerakan penuh (SPP) di ibu kota dibimbangi terdedah kepada risiko jangkitan Covid-19 sekiranya tidak menerima suntikan vaksinasi untuk perlindungan. - Gambar NSTP/AIZUDDIN SAAD



PASUKAN polis bersama anggota tentera melakukan pemeriksaan di sekatan jalan raya (SJR) yang diadakan di sempadan negeri di antara Kuala Lumpur dan Selangor berikutan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) fasa pertama bagi tempoh 14 hari bermula 1 Jun 2021 hingga 14 Jun 2021. - Gambar NSTP/HAIRUL ANUAR RAHIM

ANGGOTA Angkatan Pertahanan Awam (APM) lengkap memakai peralatan perlindungan peribadi (PPE) melakukan pemeriksaan di Kampung Sungai Panchala ketika tinjauan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD), semalam.